

Soalan No: 48

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI DOUGLAS UNGGAH EMBAS**  
**[BETONG]**  
**TARIKH : 25.7.2017**  
**SOALAN :**

**Dato' Sri Douglas Uggah Embas [Betong] minta MENTERI**  
**PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) berapakah peruntukan untuk membaik pulih sekolah-sekolah daif di negeri Sarawak; dan
- (b) bilakah projek akan bermula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Sejumlah peruntukan diluluskan bagi membaik pulih sekolah-sekolah daif di negeri Sarawak dalam RMKe 11 dengan kos siling yang diluluskan pada tahun 2017 adalah sebanyak RM19,000,000.00.
- b) Sebanyak 50 buah projek baik pulih sekolah daif disenaraikan untuk pelaksanaan tahun 2016 dan 2017. Pada tahun 2016, pelaksanaan adalah sebanyak 20 buah sekolah. 16 buah projek telah siap dan empat (4) buah projek masih dalam pembinaan. Manakala pada

tahun 2017 pula sebanyak 30 buah projek sedang dalam pelaksanaan, 26 buah projek dalam pembinaan dan empat (4) buah projek lagi adalah di bawah JKR negeri Sarawak yang sedang di proses pengeluaran Surat Setuju Terima (SST).

RJM14